

DEKOTAMAN

EDITOR BERSEKUTU (RENCANA): HUSAIN JAHIT
TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 4791 FAKS : 03-20567083/7084



RUMAH KONSEP KONTENA

>2&3

SENTUHAN
KONSEP
SCANDINAVIAN
>7



FESTIVAL
SENI BINA
TERULUNG
>9



BINAAN banglo mampu milik mampu
dizahirkan dengan harga berpatutan.



■ ALTERNATIF PEMBINAAN

CBS TAMBAH NILAI ESTETIKA

Teknologi dibangunkan pastikan
penggunaan kontena penuhi aspek
struktur, ketahanan diperlukan

FOKUS

Hartini Mohd Nawi
hartini@hmetro.com.my

Memiliki kediaman sendiri menjadi impian dalam kalangan kita seiring arus kemodenan dan kecanggihan teknologi dunia pembinaan.

Konsep pembinaan kediaman berasaskan teknologi 'configured building system' (CBS) pula bakal diperluaskan kepada perumahan awam di pasaran tempatan.

a bagi memberikan alternatif untuk kediaman mampu milik di negara ini.

Kini pembinaan kediaman berkonsepkan kontena bukan hanya digunakan di dalam bidang komersial dan pembangunan sementara

semata-mata.

Malah turut ditawarkan kepada individu yang ingin membina banglo mewah pada harga berpatutan.

Teknologi CBS dibangunkan pensyarah Jabatan Senibina, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Mohd Zairul Mohd Noor bagi menambahkan nilai estetika kepada kediaman berkonsepkan kontena.

"Persepsi dalam kalangan kita perlu diubah bahawa kediaman konsep kontena tidak semestinya dizahirkan dalam bentuk kontena kerana ia lebih eksklusif dan sempurna daripada kediaman biasa," kata pakar teknologi CBS itu diawal sesi temu bual, baru-baru ini.

Sekembali dari Belanda selepas pengajian doktor

falsafah (PhD), Dr Mohd Zairul bersama rakan kongsinya dari syarikat Golden Triangle iaitu Datuk Paduka Amiruddin Salleh selaku pengerusi dan ketua pengawai eksekutif, Jahidi Rosdi selaku pengarah perancangan dan strategik, bergabung tenaga untuk menzahirkan teknologi yang dikatakan masih baru di negara ini.

"Menariknya teknologi CBS ini bukan baru di dunia pembinaan tetapi diberi penambahbaikan sesuai dengan iklim serta situasi di negara ini.

"Hasilnya kami memanfaatkan penggunaan kontena terpakai menjadi struktur utama kepada pembinaan rumah moden atau tradisional sesuai dengan konsep mengikut cita rasa masyarakat negara ini.

Menariknya teknologi CBS ini bukan baru di dunia pembinaan tetapi diberi penambahbaikan sesuai dengan iklim serta situasi di negara ini

DR MOHD ZAIRUL

DR MOHD Zairul menunjukkan salah satu model kediaman mampu milik yang dibangunkan dengan teknologi CBS.



JABATAN PEMBANGUNAN KOLEJ KOMUNITI (JPKK)



DR Mohd Zairul (tengah) bersama Amiruddin (kiri) dan Jahidi bergabung tenaga menzahirkan teknologi CBS.

IDEA binaan kafe unik berkonsepkan kontena.



“Jika dulu penggunaan kontena sentiasa dianggap sebagai pembinaan sementara dan tidak dapat memberi nilai estetika diinginkan.”

“Namun kini ia mampu memberi saingan kepada industri perumahan konvensional tanah air,” kata Dr Mohd Zairul yang turut bergelar arkitek projek itu.

Beliau yang turut dikenali sebagai Zack Zairul itu berkata, teknologi CBS yang dibangunkan itu memastikan penggunaan kontena memenuhi aspek struktur dan memiliki ketahanan diperlukan.

“Ia bagi struktur sebuah kediaman, lapisan cegah haba bagi memastikan ‘thermal comfort’ dan memastikan material kami tahan lasak dan tahan karat mengikut jangka

masa ditetapkan,” katanya yang mengakui kediaman konsep kontena itu 90 peratus lebih murah kos pembinaannya.

Proses pembinaan pula memakan masa antara dua hingga tiga bulan bergantung kepada skop pembinaan.

“Badan kontena dipotong di kilang mengikut reka bentuk diinginkan, kemudian penyemburan bahan bagi mengelakkan karat sebelum dipasang insulasi penebat haba pada kerangka kontena.

“Apabila siap, kontena akan dipindahkan ke tapak bagi proses penyambungan.

“Proses akhir adalah menambah kemas dinding, lantai, siling, jubin, mengecat dan sebagainya,” kata Dr Mohd Zairul yang mendapat pengiktirafan dari syarikat swasta

berpangkalan di Finland bagi model ‘flexZhouse.’

Antara kelebihan rumah berkonsepkan kontena adalah tempoh pembinaan yang diambil singkat bergantung kepada lokasi dan logistik.

Pada masa sama, konsep pembinaan ini mudah dialihkan dan Golden Triangle memberikan jaminan perpindahan percuma tertakluk kepada terma serta syarat.

Kini Dr Mohd Zairul yang juga pemegang PhD dalam bidang hartanah dan perumahan (TU Delft) itu, bersama pasukan Golden Triangle menjalankan penyelidikan bagi mendapatkan status Sistem Binaan Berindustri (IBS) kepada teknologi ini yang ternyata bukan hanya lestari tetapi menggunakan konsep ‘circular economy’

MENARIKNYA teknologi ini bukan baru di dunia pembinaan tetapi diberi penambahbaikan sesuai dengan iklim serta situasi di negara ini.



REKA bentuk dizahirkan mengikut permintaan.



“Bermakna ia dapat diguna pakai semula tanpa bergantung kepada penggunaan bahan mentah yang terlalu tinggi.

“Ini juga dapat memastikan harga yang diberi kepada pelanggan dapat diminimumkan selain memberi peluang kepada lebih ramai penduduk Malaysia memiliki rumah yang betul-betul mampu milik,” katanya.

Layari laman web www.cbsindustry.com atau e-mel inquiry@cbsindustry@gmail.com untuk sebarang keterangan lanjut berkenaan produk ditawarkan Golden Triangle.

TEKNOLOGI CBS memberikan alternatif untuk kediaman mampu milik di negara ini.



LAKARAN dalam perisian.

